

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1988/89

Mac/April 1989.

PLG 451 - Pengajaran Individu

Masa : [3 jam]

Jawab LIMA (5) soalan seperti berikut:

- (i) Jawab soalan No. 1 dan DUA soalan yang lain dari Bahagian A
DAN
(ii) Jawab DUA soalan dari Bahagian B.

Soalan No. 1 bernilai 28 markah manakala soalan-soalan yang lain 18 markah tiap-tiap satu. Kesemua soalan hendaklah dijawab dalam Bahasa Malaysia.

BAHAGIAN A

1. Apakah prinsip-prinsip pembelajaran yang diingini dapat dipenuhi dengan menggunakan kaedah pengajaran individu? Jelaskan jawapan anda dengan menggunakan satu jenis program pengajaran individu.

(28 markah)

2. Bincangkan kelemahan-kelemahan kaedah pengajaran individu dari segi prinsip-prinsip pendidikan jika dibandingkan dengan kaedah pengajaran biasa digunakan dalam bilik darjah.

(18 markah)

... 2/-

3. Boleh dikatakan seseorang guru yang berpengetahuan dan berpengalaman merancang serta menyediakan program-program pengajaran individu adalah guru yang lebih memahami proses pengajaran dan pembelajaran. Sila bincangkan.

(18 markah)

4. Apakah aspek-aspek penting yang harus diketahui dan perlu dipertimbangkan bila anda memilih media-media yang sesuai untuk digunakan bagi program pengajaran individu anda?

(18 markah)

BAHAGIAN B

5. A.J. Romizowski menegaskan bahawa di dalam perancangan untuk merekabentuk sesebuah pukal pengajaran berbantuan komputer untuk pengajaran individu, tiga aspek yang amat penting, iaitu spesifikasi paparan, spesifikasi bahan bantuan dan spesifikasi sistem kawalan mesti diteliti. Berpandukan ciri-ciri pengajaran individu, pilih dua daripada spesifikasi tersebut dan terangkan kepentingannya dengan memberi contoh dan sebab-sebab yang jelas.

(18 markah)

6. Tutorial, simulasi, latih tubi, dialog dan permainan adalah di antara strategi pengajaran berbantuan komputer yang digunakan untuk pengajaran individu. Pilih dua daripada strategi tersebut dan bincangkan kekurangan, kelebihannya dan bagaimana ia amat sesuai untuk memenuhi syarat-syarat pengajaran individu.

(18 markah)

7. Ubben menegaskan bahawa pengajaran individu adalah satu sistem yang membenarkan setiap pelajar itu belajar mengikut keupayaan dan keperluannya. Terangkan empat cara dan sebab bagaimana komputer dapat memenuhi keperluan yang dinyatakan oleh Ubben dengan memberi contoh-contoh yang sesuai.

(18 markah)

- oooOooo -